Al-'Alim Al-'Allamah Zainul Abidin
Ibnu Muhammad Al-Fatani (Tuan Minal)

مِفْتَاحُ الْمُرِيْدِ * فِيْ عِلْمِ التَّوْحِيْدِ

Miftah Al-Murid Fi 'Ilmi Al-Tauhid

KUNCI PENUNTUT ILMU TAUHID

Penterjemah:
Al-Fadil Umar bin Zainul Abidin Fathani
Alih Tulisan Jawi ke Rumi:
Ustazah Noraine Abu

AL-HIDAYAH HOUSE OF PUBLISHERS SDN BHD

Inilah Risalah Yang Dinamakan Dia

مِفْتَاحُ الْمُرِيْدِ * فِيْ عِلْمِ التَّوْحِيْدِ

MIFTAH AL-MURID FI 'ILMI AL-TAUHID

KUNCI PENUNTUT ILMU TAUHID

Karangan bagi

Al-'Alim Al-'Allamah Zainul Abidin Ibnu Muhammad Al-Fathani yang dimasyhurkan dengan Tuan Minal

نَفَعَنَا اللهُ بِهِ وَبِعُلُوْمِهِ آمِيْنَ

Dan risalah yang kedua pada bicara asbab yang jadi murtad terjemah

Al-Fadil Umar bin Zainul Abidin Fathani.

Dan risalah yang ketiga nazam (syair) Melayu pada bicara Tauhid dan nasihat karangan bagi Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf Melaka.

عَفَى اللهُ عَنْهُمَا آمِيْنَ

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT iii
1) Wujud 2
2) Dan Qidam 2
3) Dan Baqa' 2
4) Dan Mukhalafatuhu Ta'ala lil Hawadith 3
5) Dan Qiamuhu Binafsihi 3
6) Dan Wahdaniyah 3
7) Dan Qudrat 4
8) Dan Iradat 4
9) Dan Ilmu 4
10) Dan Hayat 5
11) Dan Sama' 5
12) Dan Basar 5
13) Dan Kalam 6
14) Kaunhu Qadiran 7
15) Dan Kaunuhu Muridan 7
16) Dan Kaunuhu 'Aliman 7

17) Dan Kaunuhu Hayyan 7
18) Dan Kaunuhu Sami'an 8
19) Dan Kaunuhu Basiran 8
20) Dan Kaunuhu Mutakalliman 8

Ini Satu Risalah Pada Menyatakan Asbab Yang Jadi Murtad Bagi Al-Fadil Umar Anak Mu'allifnya 17

Ini Nazam (Syair) Tauhid Bahasa Melayu Ta'lif (Karangan) Haji Ahmad Melaka 27

Telah Sempurnalah Nazam Kalimah Tauhid Dan Masuk Pada Menazam Kalimah Rasul..... 35

هَذه نَصيْحَةُ الأُسْتَاذيَّة

Ertinya: Nasihat Guru-Guru 41

Dan Ini Suatu Nazam Fikir Bahasa Melayu Sembilan Itu Yang Munasabah Dengan Hadith Itu Iaitu Bagi Setengah Daripada Ulama Terengganu 47

KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah Ta'ala, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga serta para sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat sekarang, maka dengan rasa syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpahan rahmatNya kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk ***MIFTAH AL-MURID FI 'ILMI AL-TAUHID*** **(Kunci Penuntut Ilmu Tauhid).**

Buku tersebut adalah sangat popular di kalangan pelajar yang mendalami ilmu agama di pondok-pondok, ataupun di surau-surau, masjid-masjid dan juga di pejabat-pejabat. Teks asal buku ini ialah dalam tulisan jawi, tetapi memandangkan kebanyakan generasi sekarang ini yang kurang mahir dalam tulisan jawi, maka untuk membantu mereka yang amat berminat mendalami ilmu agama, maka **Ustazah Noraine Abu** telah menyalinnya dari tulisan jawi ke tulisan rumi tanpa sebarang pindaan daripada teks asal, agar mudah bagi mereka mengikuti setiap patah perkataan yang terdapat di dalam teks asal.

Sebagai penerbit, besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada para pembaca sekalian. Semoga segala amalan yang baik ini, mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan dari pihak kami, oleh itu jika terdapat sebarang kesilapan harap mohon maaf. Teguran membina amatlah dialu-alukan untuk membetulkan kesilapan pada cetakan yang akan datang.

Sekalian. Wabillahi Taufiq Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

AL-HIDAYAH PUBLICATIONS

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ

اعْلَمْ , ketahui olehmu bahawasanya hukum akal itu tersimpan ia pada tiga bahagi:

Pertamanya: Wajib.

Dan **keduanya**: Mustahil.

Dan **ketiganya**: Ja'iz.

Maka makna **wajib** itu barang yang tiada dapat dirupakan pada akal akan tiadanya.

Dan erti **mustahil** itu barang yang tiada dapat dirupakan pada akal adanya.

Dan erti **ja'iz** itu barang yang sah pada akal adanya dan tiadanya.

Dan wajib atas tiap-tiap mukallaf dengan sebab syarak mengenal ia akan barang yang wajib bagi Allah dan barang yang mustahil atasNya dan barang yang harus bagiNya.

Dan demikian lagi wajib atasnya mengenal seumpama yang demikian itu pada hak Rasul 'alaihimush shalatu wassalam.

Maka setengah daripada barang yang wajib bagi Allah Ta'ala itu dua puluh sifat, maka iaitu:

1) Wujud

Ertinya: Ada zat Allah Ta'ala. Maka ada Allah Ta'ala itu dengan sendirinya. Lawannya: Tiada. Mustahil Allah Ta'ala itu tiada, hanya wajib ada selama-lamanya. Adapun tanda ada Allah Ta'ala itu, sekaliannya makhluk ini.

2) Dan Qidam

Ertinya: Sedia. Dan makna sedia itu wujud Allah Ta'ala itu tiada dahulu oleh adam. Lawannya: Baharu. Mustahil Allah Ta'ala baharu, hanya wajib sedia selama-lamanya. Adapun tanda sedia Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

3) Dan Baqa'

Ertinya: Kekal. Dan makna kekal itu wujudNya tiada berkesudahan. Lawannya: Fana. Mustahil Ia fana, hanya wajib kekal selama-lamanya. Adapun tanda kekal Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

4) Dan Mukhalafatuhu Ta'ala lil Hawadith

Ertinya: Bersalahan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu, ertinya bersalahan pada zatNya dan pada sifatNya dan pada af'alNya. Lawannya: Bersamaan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu. Mustahil Allah Ta'ala itu bersamaan dengan segala yang baharu ini, hanya wajib bersalahan selama-lamanya. Adapun tanda bersalahan Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

5) Dan Qiamuhu Binafsihi

Ertinya: Berdiri Ia dengan sendirinya. Dan makna berdiri Ia dengan sendiri itu, tiada berkehendak kepada zat dan tiada berkehendak kepada orang yang menjadikan Dia. Lawannya: Tiada berdiri dengan sendirinya. Mustahil Allah itu tiada berdiri dengan sendiri itu, hanya wajib berdiri dengan sendiri selama-lamanya. Adapun tanda berdiri Allah Ta'ala dengan sendiri itu, sekalian makhluk ini.

6) Dan Wahdaniyah

Ertinya: Esa pada zatNya dan Esa pada sifatNya dan Esa pada af'alNya. Lawannya: Berbilang-bilang pada zatNya dan pada sifatNya dan pada perbuatanNya. Mustahil berbilang itu, hanya wajib Esa selama-lamanya. Adapun tanda Esa

Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

7) Dan Qudrat

Ertinya: Kuasa. Maka kuasa Allah Ta'ala, tiada dengan urat dan tiada dengan tulang dan tiada dengan alat. Lawannya: Lemah. Mustahil Ia lemah, hanya wajib kuasa selama-lamanya. Adapun tanda kuasa Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

8) Dan Iradat

Ertinya: Berkehendak. Maknanya, menjadikan suatu daripada alam dengan ikhtiarNya. Lawannya: Tiada berkehendak seperti menjadikan sesuatu dengan lupa atau dengan lalai atau dengan illat atau dengan tabiat. Mustahil Ia dengan tiada berkehendak, hanya wajib dengan berkehendak selama-lamanya. Adapaun tanda berkehendak Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

9) Dan Ilmu

Ertinya: Tahu. Maka tahu Allah Ta'ala itu tiada dengan berlajar dan tiada dengan fikir dan *nazhar.* Lawannya: Jahil, ertinya tiada tahu suatu atau tahu tiada betul dengan hakikat. Mustahil Ia jahil, hanya wajib tahu selama-lamanya. Adapun tanda tahu Allah

Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

10) Dan Hayat

Ertinya: Hidup. Maka hidup Allah Ta'ala itu tiada dengan nyawa dan nafas dan tiada dengan makan dan minum. Lawannya: Mati. Mustahil Ia mati, hanya wajib hidup selama-lamanya. Adapun tanda hidup Allah Ta'ala itu, sekalian makhluk ini.

11) Dan Sama'

Ertinya: Mendengar. Maka mendengar Allah Ta'ala itu tiada dengan telinga. Lawannya: Tuli. Mustahil Ia tuli, hanya wajib mendengar selama-lamanya. Adapun dalil sama' Allah Ta'ala itu firman Allah Ta'ala:

..... إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿١﴾

Ertinya: *Bahawa Allah Ta'ala itu amat mendengar, lagi amat melihat.* **(Surah al-Mujadilah: Ayat 1)**

12) Dan Basar

Ertinya: Melihat. Maka melihat Allah Ta'ala itu tiada dengan mata dan tiada dengan sebab cahaya matahari dan pelita dan lainnya. Lawannya: Buta. Mustahil Allah Ta'ala

itu buta, hanya wajib melihat selama-lamanya. Adapun dalil melihat Allah Ta'ala, firman Allah Ta'ala:

..... إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

Ertinya: *Bahawa Allah Ta'ala itu amat melihat dengan segala hambaNya.* **(Surah al-Mukmin: Ayat 44)**

13) Dan Kalam

Ertinya: Berkata-kata. Maka berkata Allah Ta'ala itu tiada dengan huruf dan tiada dengan suara dan tiada dengan satu lughah daripada segala lughah yang baharu ini. Lawannya: Kelu. Mustahil Allah Ta'ala itu kelu, hanya wajib berkata-kata selama-lamanya. Adapun dalil Allah Ta'ala bersifat dengan berkata-kata itu, firman Allah Ta'ala;

..... وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا ﴿١٦٤﴾

Ertinya: *Berkata-kata Allah Ta'ala itu akan Nabi Musa akan sebagai berkata-kata.* **(Surah al-Nisa': Ayat 164)**

Adapun dalil akal tanda bersifat Allah Ta'ala dengan Sama' dan Basar dan Kalam itu kerana jika tiada Ia bersifat dengan mendengar dan melihat dan berkata-kata itu, nescaya bersifat Ia dengan lawannya iaitu tuli dan buta dan kelu. Dan jika bersifat Ia dengan lawannya, nescaya kekurangan Ia dan kekurangan atas Allah Ta'ala itu mustahil. Maka tetaplah Allah Ta'ala itu mendengar dan melihat dan berkata-kata.

14) Kaunhu Qadiran

Ertinya: KeadaanNya yang kuasa. Melazim ia akan Qudrat. Mustahil yang lemah, hanya wajib yang kuasa selama-lamanya.

15) Dan Kaunuhu Muridan

Ertinya: KeadaanNya yang berkehendak. Melazim ia akan Iradat. Mustahil Ia yang tiada berkehendak, hanya wajib yang berkehendak selama-lamanya.

16) Dan Kaunuhu 'Aliman

Ertinya: KeadaanNya yang tahu. Melazim ia akan Ilmu. Mustahil Ia yang jahil, hanya wajib yang tahu selama-lamanya.

17) Dan Kaunuhu Hayyan

Ertinya: KeadaanNya yang hidup. Melazim ia akan Hayat. Mustahil Ia yang mati, hanya wajib yang hidup selama-lamanya.

18) Dan Kaunuhu Sami'an

Ertinya: KeadaanNya yang mendengar. Melazim Ia akan Sama' yang berdiri kepada zatNya. Mustahil Ia yang tuli, hanya wajib yang mendengar selama-lamanya.

19) Dan Kaunuhu Basiran

Ertinya: KeadaanNya yang melihat yang melazim ia akan Basar yang berdiri kepada zatNya. Mustahil Ia yang buta, hanya wajib yang melihat selama-lamanya.

20) Dan Kaunuhu Mutakalliman

Ertinya: KeadaanNya yang berkata-kata yang melazim ia akan Kalam yang berdiri kepada zatNya. Mustahil Ia yang kelu, hanya wajib yang berkata-kata selama-lamanya. Adapun dalil sifat Ma'nawiyah ini iaitu dalil sifat Ma'ani yang telah lalu sebutnya.

Adapun yang **harus** pada hak Allah Ta'ala itu berbuat tiap-tiap mumkin atau meninggalkan dia. Lawannya: Tiada harus seperti wajib atau mustahil, maka iaitu mustahil tiada harus itu, hanya harus selama-lamanya.

Ketahui olehmu sifat yang dua puluh itu terbahagi atas empat bahagi:

Pertama: Sifat Nafsiyah namanya dan iaitu wujud jua. Dan takrif sifat Nafsiyah itu:

اَلْحَالُ الثَّابِتُ لِلذَّاتِ مَا دَامَتِ الذَّاتُ غَيْرَ مُعَلَّلَةٍ بِعِلَّةٍ.

Ertinya: *Hal yang wajib bagi zat selama ada zat itu pada hal tiada dikeranakan dengan suatu kerana.*

Dan **kedua**: Sifat Salbiyah namanya dan iaitu lima sifat: Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu Ta'ala lil Hawadith dan Qiamuhu Binafsihi dan Wahdaniyah. Dan takrif sifat Salbiyah itu:

كُلُّ صِفَةٍ دَلَّتْ عَلَى نَفْيِ مَا لاَ يَلِيْقُ بِاللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Ertinya: *Tiap-tiap sifat yang menunjukkan atas nafi barang yang tiada patut ia dengan Allah 'Azza wa Jalla.*

Dan **ketiga:** Sifat Ma'ani namanya dan iaitu tujuh sifat: Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat dan Sama' dan Basar dan Kalam. Dan takrif sifat Ma'ani itu:

كُلُّ صِفَةٍ مَوْجُوْدَةٍ قَائِمَةٍ بِمَوْجُوْدَةٍ أَوْجَبَتْ لَهُ حُكْمًا.

Ertinya: *Tiap-tiap sifat yang maujud yang berdiri dengan yang maujud yang mewajibkan ia bagi zat itu hukum.*

Dan **keempat:** Sifat Ma'nawiyah namanya dan iaitu tujuh sifat pula yang melazimkan sifat Ma'ani dan iaitu: Kaunuhu Qadiran dan Muridan dan 'Aliman dan Hayyan dan Sami'an dan Basiran dan Mutakalliman. Dan takrif sifat Maknawiyah itu:

اَلْحَالُ الثَّابِتَةُ لِلذَّاتِ مَا دَامَتِ الذَّاتُ مُعَلَّلَةً بِعِلَّةٍ.

Ertinya: *Hal yang thabit bagi zat selama ada zat itu pada hal*

diillatkan dengan satu illat.

Yakni kerana berdiri Ma'ani itu pada zatNya pada kira-kira akal jua.

Adapun setengah daripada barang yang wajib bagi Rasul itu tiga perkara:

Pertamanya: Siddiq. Ertinya, benar mereka itu. Makna benar itu muafakat khabarnya itu akan barang yang pada Allah Ta'ala. Lawannya: Dusta. Mustahil atas mereka itu dusta.

Dan **kedua:** Amanah. Ertinya, kepercayaan. Makna kepercayaan itu, terpelihara mereka itu daripada mengerjakan yang ditegah. Lawannya: Khianat. Mustahil atas mereka itu khianat dengan mengerjakan yang haram atau yang makruh.

Dan **ketiga:** Tabligh. Ertinya, menyampaikan barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampaikan akan umatnya. Dan mustahil atas mereka itu menyembunyikan. Dan dalil benar segala rasul itu firman Allah Ta'ala:

..... وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ..... ﴿٢٢﴾

Ertinya: *Telah benar Allah dan RasulNya.* **(Surah al-Ahzab: Ayat 22)**

Dan dalil amanah itu kerana Allah Ta'ala itu menyuruh akan kita dengan mengikut mereka itu menunjukkan mereka itu terpelihara daripada mengerjakan yang ditegah. Dan dengan diri dalil amanah ini, jadi dalil bagi wajib yang ketiga bagi mereka itu pula iaitu wajib bagi mereka itu tabligh.

Dan yang harus pada hak mereka itu satu jua iaitu perangai tubuh manusia yang tiada membawa kepada

kekurangan pada martabat mereka itu seperti sakit dan makan dan minum dan tidur dan lainnya.

Ketahui olehmu, bahawasanya makna ketuhanan itu dari makna:

Pertama: Kaya Tuhan daripada tiap-tiap barang yang lain.

Kedua: Berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lain itu kepadaNya.

Adapun kaya Tuhan daripada tiap-tiap barang yang lain itu, maka masuk di dalamnya itu wajib Wujud dan Qidam dan Baqa' dan Mukhalafah lil hawadith dan Qiamuhu binafsihi dan Sama' dan Basar dan Kalam dan Sami' dan Basir dan Mutakallim. Maka satu daripadanya sifat Nafsiyah dan empat sifat Salbiyah dan tiga sifat Ma'ani dan tiga sifat Ma'nawiyah, maka jadi sebelas yang wajib dan lawannya sebelas pula yang mustahilnya, maka jadi dua puluh dua.

Dan diambil daripada kaya itu dua pula:

Pertama: Tiada mengambil faedah Allah Ta'ala itu pada segala perbuatanNya dan hukumNya.

Dan **Keduanya:** Tiada wajib Ia berbuat mumkin atau meninggalkan dia.

Dan lawan daripada dua itu dua pula, jadi empat. Maka himpunankan olehmu dengan dua puluh dua yang dahulu itu, maka jadilah perhimpunannya dua puluh enam akidah. Setengahnya wajib iaitu dua belas dan mustahilnya dua belas dan harus satu dan lawannya satu.

Dan adapun berkehendak tiap-tiap barang yang lain kepadaNya, maka masuk di dalamnya itu wajib bagi Allah Ta'ala itu bersifat dengan Hayat dan Ilmu dan Qudrat dan

Iradat dan Hayyun dan 'Alimun dan Qadirun dan Muridun dan Wahdaniyah, empat sifat Ma'ani dan empat sifat Ma'nawiyah dan satu sifat Salbiyah, maka jadi sembilan sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala. Dan yang mustahilnya itu sembilan pula iaitu lawan daripada yang wajib itu, maka jadi delapan belas.

Dan diambil daripada berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lain kepadaNya itu dua pula:

Pertama: Baharu alam dengan sekaliannya.

Dan **kedua:** Tiada memberi bekas segala ka'inat itu dengan zatNya dan lawanNya dua pula, jadi empat. Dan dihimpunkan dengan delapan belas dahulu itu, jadi dua puluh dua yang masuk di dalam makna yang kedua iaitu berkehendak tiap-tiap barang yang lain itu kepadaNya, kemudian dihimpunkan yang masuk di dalam makna yang pertama itu enam likur (26) dan di dalam makna yang kedua itu dua likur (22). Jumlahnya jadi perhimpunannya empat puluh delapan akidah yang masuk pada kata kita لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ . Inilah dinamakan pertambatan iman kita kepada Allah.

Dan adapun Muhammad Rasulullah itu, maka masuk di dalamnya wajib bagi Rasul itu tiga perkara:

Pertama: Siddiq, ertinya benar segala Rasul itu.

Kedua: Amanah ertinya kepercayaan mereka itu.

Ketiga: Tabligh, ertinya menyampaikan oleh mereka itu akan barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampaikan kepada segala umat.

Dan mustahil atas mereka itu tiga pula iaitu lawan segala yang wajib itu iaitu dusta dan khianat dan menyembunyikan. Dan harus satu iaitu *'aradh basyariyyah* (sifat kemanusiaan)

yang tiada membawa kepada kekurangan pada martabat mereka itu yang tinggi dan lawannya satu, maka jumlahnya jadi delapan.

Dan masuk rukun iman empat pula iaitu percaya akan segala malaikat dan percaya akan segala Rasul Allah dan percaya akan segala kitab yang diturun di langit dan percaya akan hari kiamat dan lawannya empat pula iaitu tiada percaya akan sekalian yang tersebut itu, maka jadi delapan pula.

Dan dihimpunkan dengan delapan dahulu itu, maka jadi enam belas yang terkandung di dalam مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ , maka dihimpunkan segala 'aqa'id yang masuk di dalam لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ dan مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ itu, maka jadilah perhimpunannya enam puluh empat akidah. Inilah dinamakan simpulan iman kepada Allah dan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Dan demikian lagi wajib atas kita yang mukallaf mengetahui akan bangsa Nabi kita dan tempat jadinya.

Maka nama Nabi kita itu Muhammad anak Abdullah dan Abdullah itu anak Abdul Muththalib dan Abdul Muthalib anak Hasyim dan Hasyim itu anak Abdul Manaf.

Dan nama ibunya Siti Aminah anak Wahab.

Dan bangsa Nabi kita itu bangsa Arab lagi Quraisy.

Dan tempat jadinya di dalam negeri Mekah dan bangkit jadi Rasul pun di dalam negeri Mekah juga tatkala umurnya empat puluh tahun.

Dan kemudian daripada bangkit itu duduk di dalam Mekah tiga belas tahun, lalu berpindah ia ke Madinah dan duduk di dalam Madinah sepuluh tahun, lalu wafat di dalam negeri Madinah. Dan kubur yang Maha Mulia pun di dalam negeri Madinah, sangat masyhur tempatnya diziarahi oleh

orang yang pergi kepadanya. Harap kita akan syafaatnya kepada kita dan kepada ibu bapa kita dan sekalian kekasih kita sekaliannya, amin.

وَمَعْنَى أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ أَعْلَمُ وَأَعْتَقِدُ بِقَلْبِي وَأُبَيِّنُ لِغَيْرِي أَنْ لاَ مَعْبُوْدَ بِحَقٍّ فِي الْوُجُوْدِ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّهُ الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ الْمُفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ الْمُتَّصِفُ بِكُلِّ كَمَالٍ الْمُنَزَّهُ عَنْ كُلِّ نَقْصٍ وَمَا خَطَرَ بِالْبَالِ لَمْ يَتَّخِذْ صَاحِبَةً وَلاَ وَلَدًا وَلاَ يُمَاثِلُ فِيْ ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ أَحَدًا.

Ertinya: *Dan bermula makna* أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *itu aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku menyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawasanya tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benar pada wujud melainkan Allah dan bahawasanya Ia Tuhan yang kaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya, lagi yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya, lagi yang bersifat dengan segala sifat kamalat, lagi yang Maha Suci daripada tiap-tiap kekurangan dan barang yang terlintas di dalam hati, tiada mengambil Ia akan taulan dan tiada anak dan tiada menyamai Ia pada zatNya dan segala sifatNya dan af'alNya akan seorang.*

وَمَعْنَى أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ أَعْلَمُ وَأَعْتَقِدُ بِقَلْبِي وَأُبَيِّنُ لِغَيْرِي أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا بْنَ عَبْدِ اللهِ عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ إِلَى كَافَّةِ الْخَلْقِ صَادِقٌ فِي كُلِّ مَا أَخْبَرَ بِهِ، يَجِبُ عَلَى كَافَّةِ الْخَلْقِ تَصْدِيْقُهُ

وَمُتَابَعَتُهُ، وَيَحْرُمُ عَلَيْهِمْ تَكْذِيْبُهُ وَمُخَالَفَتُهُ، فَمَنْ كَذَبَهُ فَهُوَ ظَالِمٌ كَافِرٌ وَمَنْ خَالَفَهُ فَهُوَ عَاصٍ خَاسِرٌ، وَفَّقَنَا اللهُ لِكَمَالِ مُتَابَعَتِهِ وَرَزَقَنَا كَمَالَ التَّمَسُّكِ بِسُنَّتِهِ وَجَعَلَنَا اللهُ مِمَّنْ يُحْيِ أَحْكَامَ شَرِيْعَتِهِ وَتَوَفَّنَا عَلَى مِلَّتِهِ وَحَشَرَنَا فِى زُمْرَتِهِ وَوَالِدِيْنَا وَأَوْلَادِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَحْبَابِنَا وَجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ. آمِيْنَ.

Ertinya: *Dan bermula makna* أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ *itu aku ketahui dan aku iktikad dengan hatiku dan aku menyatakan bagi yang lain daripada aku akan bahawasanya penghulu kami Nabi Muhammad anak Abdullah itu hambaNya dan pesuruhNya kepada sekalian makhluk, lagi benar ia pada tiap-tiap barang yang mengkhabar ia dengan dia. Wajib atas sekalian makhluk membenar akan dia dan mengikut akan dia dan haram atas mereka itu mendusta akan dia dan menyalahi akan dia. Maka barang siapa mendusta akan dia, maka iaitu orang yang zalim, lagi kafir. Dan barang siapa menyalahi akan dia, maka iaitu orang yang derhaka, lagi rugi. Telah memberi taufik Ia akan kita bagi sempurna mengikutnya dan memberi rezeki Ia akan kita akan sempurna berpegang dengan jalannya. Dan telah menjadi Ia akan kita daripada orang yang menghidup Ia akan segala hukum syariatnya dan memati Ia akan kita atas agamanya dan menghalau Ia akan kita di dalam jamaahnya dan segala ibu bapa kita dan segala anak kita dan segala saudara kita dan segala kekasih kita dan sekaliannya muslimin sekaliannya. Amin.*

Inilah akhir kitab Miftah Al-Murid Fi Ilmi Al-Tauhid.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ini Satu Risalah Pada Menyatakan Asbab Yang Jadi Murtad Bagi Al-Fadil Umar Anak Mu'allifnya

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَصَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

وَبَعْدُ . Maka inilah suatu risalah pada menyatakan perhimpunan daripada beberapa lafaz dan perbuatan dan iktikad yang wajib atas tiap-tiap mukallaf lelaki atau perempuan merdeka atau sahaya bahawa memelihara ia akan dirinya daripada jatuh pada suatu daripadanya kerana bahawasanya menjatuh ia akan dia di dalam kufur dan keluar daripada agama Islam. Dan sungguhnya wajib atas tiap-tiap muslim lelaki dan muslimat perempuan dan jikalau jin sekalipun, memelihara ia akan Islamnya, yakni memelihara ia daripada barang yang memfasid akan dia dan yang membatalkan akan dia dan yang memutuskan akan dia dan iaitu murtad, وَالْعِيَاذُ بِاللهِ تَعَالَى.

Dan sungguhnya telah banyak pada ini zaman bermudah-mudah mereka itu pada perkataan yang keji, *khususan* pada segala tempat yang lebih-lebih seperti Mekah dan Madinah hingga bahawasanya keluar daripada setengah mereka itu beberapa lafaz yang mengeluar ia akan mereka itu daripada Islam pada hal tiada diketahui mereka itu dengan demikian itu dan tiada sangka mereka itu akan yang keluar daripada mereka itu akan dosa lebih daripada keadaannya kufur.

Dan murtad itu tiga bahagi:

Yang **pertama:** Iktikad.

Dan yang **kedua:** Perbuatan.

Dan yang **ketiga:** Perkataan.

Dan tiap-tiap satu bahagi itu bercabang ia akan beberapa cabang yang banyak. Maka setengah daripada bahagi yang pertama itu iaitu iktikad:

- Syak pada wujud zat Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Atau syak pada pesuruh RasulNya.
- Atau syak pada suatu daripada Al-Qur'an yang diijmakkan atasnya dan jikalau satu ayat sekalipun seperti *mu'awwidzatain* dan seumpama Al-Qur'an itu segala kitab yang diijmakkan atasnya seperti Taurat dan Injil dan Zabur Daud dan suhuf Ibrahim.
- Atau syak pada hari kiamat.
- Atau syak pada wujud syurga atau neraka pada akhirat.
- Atau syak pada hasil pahala bagi orang yang taat dan seksa bagi orang kafir atau umpama yang demikian itu daripada barang yang diijmakkan atasnya daripada segala masalah agama yang dharuri.

- Atau iktikad ia akan ketiadaan satu sifat daripada segala sifat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang wajib bagiNya dengan ijmak ulama seperti Ilmu dan Qudrat.
- Atau menyebut ia bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala itu akan satu sifat yang Maha Suci Allah Ta'ala daripadanya dengan ijmak seperti jisim dan warna atau berhubung dengan alam atau bercerai daripadanya.
- Atau menghalal ia akan yang haram dengan ijmak yang maklum daripada agama dengan dharurah daripada yang tiada tersembunyi atasnya seperti zina dan meminum arak dan مَكْس (cukai) dan liwath dan seperti sembahyang dengan tiada wuduk dan membunuh bagi yang dihormat dengan tiada sebenarnya dan mencuri dan merampas.
- Atau mengharam ia akan yang halal dengan ijmak seperti jual beli dan berkahwin.
- Atau menafi ia akan wajib yang diijmakkan atas wajibnya seperti sembahyang lima waktu atau umpama satu rukuk atau satu sujud daripadanya dan seperti zakat dan puasa dan haji dan wuduk bagi umpama sembahyang daripada tiap-tiap barang yang terhenti sahnya atas wuduk.
- Atau memperbuat wajib ia akan barang yang tiada wajib dengan ijmak seperti sembahyang yang keenam yang iktikad ia akan wajibnya seperti wajib sembahyang lima waktu.
- Atau menafi ia akan sunat yang disyarakkan dia yang diijmakkan atasnya lagi yang maklum daripada agama dengan dharurah seperti sunat rawatib bagi

sembahyang yang maktubah dan seperti sunat hari raya.

- Atau cita-cita ia atas kufur pada masa lagi akan datang dan jikalau masa yang jauh sekalipun seperti satu tahun, maka kufur ia sekarang itu jua kerana iman itu tiada ada ia melainkan berkekalan dan kerana bahawasanya redha ia akan kufur dirinya dan redha manusia daripada kufur dirinya itu kufur dengan tiada khilaf.
- Atau cita-cita ia atas memperbuatkan suatu daripada sekalian barang yang tersebut itu seperti bahawa azam ia atas syak pada wujud zat Allah Ta'ala وَالْعِيَاذُ بِاللهِ atau pada RasulNya atau Al-Qur'an.
- Atau syak ia pada memperbuatkan suatu daripada barang yang tersebut itu adakah perbuat ia akan dia atau tiada, maka kufur sekarang itu jua kerana menafinya akan Islam. Tiada kufur, jika hasil baginya was-was, maka terdaya pada iman atau *shani'* atau mendatang di dalam hatinya bagi kekurangan atau maki dan pada hal benci ia bagi demikian itu akan sebagai benci yang sangat dan tiada kuasa ia atas menolakkan akan dia, maka bahawasanya tiada ada atasnya suatu kerana was-was itu tiada tetap ia, maka iaitu daripada yang terlintas, tiada iktikad, maka minta tolong ia dengan Allah atas menolakkan akan dia kerana ia daripada syaitan.
- Atau ingkar ia akan sahabat Saiyidina Abi Bakar Radhiyallahu 'anhu.
- Atau ingkar ia akan risalah salah seorang daripada Rasul yang diijmakkan atas pesuruhNya atau ingkar ia akan nubuwwah salah seorang daripada Anbiya'

yang di*nash* atas mereka itu di dalam Al-Qur'an yang mulia dengan disebutkan namanya atas jalan yang sarih, lagi yang diijmakkan atas nubuwwahnya.

- Atau ingkar ia akan satu huruf yang diijmakkan atasnya daripada Al-Qur'an atau menambah ia akan satu huruf padanya yang diijmakkan atas nafinya daripadanya pada hal ia iktikad bahawasanya satu huruf yang ditambah itu daripada Al-Qur'an.
- Atau mendusta ia akan satu Rasul daripada segala Rasul atau satu Nabi daripada segala Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam atau mengurang ia akan keduanya pada kejadiannya dan pada perangainya atau pada bangsanya seperti berkata ia bahawasanya ia tiada daripada Quraisy atau pada agamanya atau pada satu sifat daripada segala sifatnya atau menghinakan namanya atau mengharus ia akan nubuwwah seorang kemudian daripada Nabi kita Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam.

Dan bahagi yang kedua, perbuatan seperti sujud bagi berhala atau matahari atau bulan atau makhluk yang lain.

Dan bahagi yang ketiga, perkataan dan iaitu amat banyak, tiada ter*hasar* (terhitung) ia bilang-bilangan. Setengah daripadanya:

- Bahawa berkata muslim bagi seorang muslim yang lain: Hai kafir atau hai yahudi atau hai nasrani atau hai orang yang ketiadaan agama, pada hal qasad ia dengan katanya: Hai kafir itu bahawasanya agama orang yang di*khitab* akan dia itu kufur atau yahudi atau nasrani atau tiada agama.

- Dan setengah daripadanya, bersenda-senda dan bermudah-mudah dengan Allah Ta'ala seperti bermudah-mudah dengan satu nama daripada segala nama Allah Ta'ala dan seperti meringan-ringan ia dengan dia seperti bahawa berkata ia: Bismillah, pada hal mendatang ia akan arak atau berhadap atas zina.
- Dan demikian lagi, bermudah-mudah dan meringan dengan suruh Allah Ta'ala atau dengan janjiNya dengan pahala atau janji dengan seksa. Jika keluar demikian itu daripada orang yang tiada tersembunyi atasnya nisbah demikian itu kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, istimewa pula segala nama yang bersekutu, maka dituntut tafsir akan dia dan diamalkan dengan tafsirnya dan jikalau berkata ia: Tiada aku takut akan kiamat, maka jika diqasadkan *istihza'* (bersenda-senda), nescaya kufur atau *ithlaq* ia atau memandang ia dengan luas maaf Allah dan rahmatNya dan kuat harapnya, maka tiada kufur.
- Dan setengah daripada bermudah-mudah dengan suruh Allah itu seperti berkata ia: Jikalau menyuruh Allah Ta'ala akan daku dengan bagian-bagian seperti sembahyang atau sedekah, nescaya tiada aku perbuat akan dia. Atau berkata ia: Jikalau dijadikan kiblat itu, yakni jikalau menjadi Allah Ta'ala akan kiblat itu pada pihak bagian-bagian, nescaya tiada aku sembahyang berhadap kepadanya.
- Dan setengah daripada bermudah-mudah dengan janji Allah Ta'ala dengan baik itu bahawa berkata ia: Jikalau memberi Allah Ta'ala akan daku akan syurga, nescaya tiada aku masuk akan dia pada hal meringan-ringan ia atau menzahir ia bagi *'inad* (ingkar) bagi

Allah Subhanahu wa Ta'ala pada sekalian itu.

- Dan setengah daripada bermudah-mudah dengan janji dengan seksa itu bahawa membangsa ia akan Allah Ta'ala kepada zalim seperti berkata ia: Jikalau Allah Ta'ala mengambil kesalahan akan daku dengan sebab meninggalkan sembahyang atau puasa seperti barang yang aku ada padanya daripada sakit dan kesusahan, nescaya menzalim Ia akan daku. Atau berkata ia bagi perbuatan yang baharu datang ini dengan tiada takdir Allah Ta'ala atau berkata ia: Jikalau mensaksi di sisi aku sekalian Anbiya' dan malaikat dan sekalian muslimin dengan bagian-bagian, tiada aku terima saksi mereka itu. Atau berkata ia: Tiada aku berbuat bagian-bagian seperti kerat kuku umpamanya dan jikalau ada ia sunat sekalipun dengan qasad *istihza'*. Atau berkata ia: Jika adalah si fulan itu Nabi atau Rasul, nescaya tiada aku beriman dengan dia. Atau memberi akan dia oleh orang alim akan fatwa pada pertanyaan yang menuntuti fatwa ia akan dia padanya, maka berkata ia: Apa ini syarak! Pada hal qasad ia dengan demikian itu meringankan syarak. Atau berkata ia: Laknat Allah atas sekalian orang alim! Pada hal menghendaki ia akan menghabisi yang melengkapi bagi salah seorang daripada Anbiya'. Atau berkata ia: Aku lepas daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala atau daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam atau daripada Al-Qur'an atau daripada syariat Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam atau daripada Islam, ertinya daripada mengikut bagi barang yang mendatang oleh Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dengan dia. Atau berkata ia bagi hukum yang dihukum orang dengan dia daripada

hukum syariat yang Muhammadiah, tiada ini hukum syarak. Atau berkata ia: Tiada aku ketahui akan hukum, pada hal mensenda-senda ia dengan hukum Allah Ta'ala. Atau berkata ia, pada hal memenuh ia akan bejana (كَأْسًا دِهَاقًا) atau berkata ia, pada hal menuang ia akan minuman (فَكَانَتْ سَرَابًا) . Atau berkata ia ketika menimbang akan suatu atau menyukatkan suatu yang membeli ia akan dia umpamanya (وَإِذَا كَالُوْهُمْ أَوْ وَزَنُوْهُمْ يُخْسِرُوْنَ). Atau berkata ia pada ketika melihat akan perhimpunan yang berhimpun mereka itu atau bersesak-sesak mereka itu pada masuk satu tempat atau keluar daripadanya (وَحَشَرْنَاهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا) dengan qasad meringan-ringan dan mensenda-senda akan dengan Al-Quran pada sekalian empat masalah yang tersebut itu. Dan demikian lagi tiap-tiap tempat yang *isti'mal* oleh mukallaf padanya akan Al-Qur'an dengan meringan-ringankan dan *istihza',* maka jika isti'mal ia dengan lain daripada demikian itu qasad sekira-kira *itlaq* ia dan tiada qasad ia akan suatu, maka tiada kufur ia tetapi adakah haram *isti'mal* akan dia pada demikian itu atau tiada. Kata Syeikh Ahmad Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullahu Ta'ala: Tiada jauh daripada haram *isti'mal* akan yang demikian itu.

- Dan demikian lagi kufur orang yang memaki akan satu Nabi daripada segala Anbiya' atau memaki akan malaikat. Atau berkata ia: Adalah aku orang قَوَّادٌ yakni orang yang berjalan dengan jahat antara perempuan dan lelaki atau muda belia jika aku sembahyang atau aku puasa. Atau berkata ia: Tiada aku dapat kebajikan daripada masa aku sembahyang atau aku puasa. Atau berkata ia: Bermula sembahyang itu tiada patut bagiku atau puasa itu tiada patut

bagiku dengan qasad meringankan sembahyang atau puasa atau qasad mensenda-sendakan dengan salah suatu daripada keduanya atau qasad menghalal meninggalkan keduanya atau qasad sempena jahat dengan keduanya. Atau berkata ia bagi seorang muslim: Aku seteru engkau dan seteru Nabi engkau. Atau berkata ia bagi *syarif*: Aku seteru engkau dan seteru nenek engkau pada hal menghendaki ia dengan katanya nenek engkau itu Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam. Atau berkata ia akan suatu daripada umpama segala lafaz yang telah terdahulu sebutnya yang jahat ia. Dan sungguhnya telah membilang oleh Syeikh Ahmad bin Hajar dan Qadhi 'Iyyadh di dalam kitab bagi keduanya **I'lan** dan **Syifa'** akan perkara yang banyak. Maka sayugia bagi orang yang terbangsa kepada ilmu melihat atasnya kerana bahawasanya mereka yang tiada mengetahui akan kejahatan, jatuh ia di dalamnya. Dan hasil kebanyakan demikian itu ibarat kembali ia kepada bahawasanya tiap-tiap iktikad atau perbuatan atau perkataan yang menunjukkan atas menghina atau meringan-ringan atau meringan dengan Allah atau dengan suatu daripada segala kitabNya atau dengan salah seorang daripada Anbiya'Nya atau dengan malaikatNya yang diijmakkan atas mereka itu atau dengan suatu daripada tanda agamanya atau dengan suatu daripada hukum Allah Ta'ala atau dengan janjiNya dengan baik atau dengan jahat, kufur atau maksiat, maka hendaklah takut manusia daripada demikian itu sekuasa-kuasa.

Fasal: Wajib atas mereka yang jatuh murtad daripadanya kembali dengan segera kepada Islam dengan mengucap

dua kalimah syahadah. Dan wajib meninggalkan daripada barang yang jatuh dengan dia murtad. Dan wajib atasnya menyesal atas barang yang keluar daripadanya dan cita-cita ia atas bahawa tiada kembali kepada seumpamanya. Dan wajib atasnya qadha' barang yang luput akan dia daripada segala yang wajib pada syarak di dalam demikian itu masa murtad. Maka jika tiada taubat ia, nescaya wajib atas imam menuntuti taubat akan dia dan tiada diterimakan daripadanya melainkan Islam atau bunuh. Dan batal dengan sebab murtad itu puasanya dan tayammumnya dan nikahnya dahulu daripada *dukhul* (jimak) dan demikian kemudian daripadanya jika tiada kembali kepada Islam di dalam masa idahnya. Dan tiada sah akad nikahnya dan haram sembahyang dan tiada dipusaka ia dan tiada dipusaka akan dia dan tiada disembahyang atasnya dan tiada mandi akan dia dan tiada dikafan akan dia dan tiada ditanam akan dia. Dan harta orang murtad itu jadi harta fai' kembali kepada Baitulmal. *Wallahu Subhanahu Wa Ta'ala a'lam.*

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Ini Nazam (Syair) Tauhid Bahasa Melayu Ta'lif (Karangan)

Haji Ahmad Melaka

Allah Allah Azza wa Jalla Tuhan kami
Kami minta ampun akan dosa kami

Dengan Allah kami mula nazam ini
Sebab dengan Dia jadi kitab ini

Hai saudara kami khabar akan kamu
Mengenal Allah fardu ain atas kamu

Sabda Nabi Awwaluddin أَيْ *ma'rifah*
Bukan solat bukan shiyam (puasa) bukan zakat

Dan yang wajib bagi Allah dua puluh
Jangan kurang jangan lalai biar sungguh

Wujud itu erti ada Tuhan kita
Yang mustahil sudah nyata pada kita

Qidam itu yang kedua sifatNya
Sedia Tuhan tiada mula maknanya

Baqa' pula yang ketiga sifatNya
Yang mustahil Fana bagiNya

Yang keempat Mukhalafah adanya
Yang mustahil tiada banding lawannya

Yang kelima Qiamuhu Binafsihi
Yang keenam Wahdaniyah bi zatihi

Sudah lalu enam sifat nazam itu
Nafsiyah yang dinama awal itu

Tinggal lagi lima sifat bilangnya
Salbiyah yang dinamakan kelimanya

Hayat pula itu hidup maknanya
Yang mustahil Ia mati akhirnya

Ilmu lagi satu sifat bilangnya
Makna tahu segala bagi jenisnya

Yang mustahil bebal ia lawannya
Kerana umum ta'alluq dia segalanya

Qudrat itu satu lagi sifat Dia
Dan Iradat jangan lupa kawan dia

Makna Qudrat kuasa Tuhan dengan dia
Makna Iradat rata mumkin kehendak dia

Sama' pula satu sifat kita kata
Erti mendengar tiada tuli tiada buta

Basar itu satu sifat pula kita kata
Erti melihat segala alam dengan nyata

Lagi satu Kalam pula namanya
Tiada huruf tiada suara maknanya

Lalu pula nazam ini tujuh sifat
Yang dinamakan Ma'ani telah tetap

Hayyun itu lagi setengah sifatNya
Yang melazimkan Ma'ani malzumnya

Jangan lupa jangan lalai makna dia
Kalau tidak jadi kamu sia-sia

Sifat ilmu se'Alim lazim Dia
SeQadir sifat Qudrat malzum dia

Kata pula seMurid min Iradah
Sami' seBasir dua sifat

Lazim sama' lazim basar sudah tetap
Faham kamu baik-baik biar kuat

Bilangan lagi satu sifat Mutakallim
Yang melazim akan Kalam yang da'im

Ini lagi tujuh sifat yang dinazam
Yang bernama Ma'nawiyah sampai Kalam

Dapat jumlah sifat ini empat bagi
Nafsiyah Salbiyah Ma'ani

Lagi satu Ma'nawiyah namanya
Telah tamam dua puluh di dalamnya

Bahagi lagi pula dua adanya
Yang pertama seIstighna' namanya

Sebelas sifat ada masuk dengan dia
Wujud Qidam Baqa' itu kawan dia

Mukhalafah itu pula kamu bilang
Qiamahu Binafsihi jangan kurang

Sama' Sami' Basir Mutakallim
Basar Kalam sifat Tuhan yang da'im

Yang kedua seIftiqar dinama orang
Faham kamu baik-baik jangan hilang

Sembilan sifat itu tentu padanya
Hayat Hayyun Wahdaniyah ketiganya

Satu lagi se'Alim namanya
Yang kelima sifat Ilmu madlulnya

Pula Qudrat dan Qadir itu lagi
Baik-Baik faham kamu petang pagi

Yang Iradat dan Murid dua sifat
Faham kamu baik-baik sampai lekat

Dan yang masuk pada kata istighna'
Harus Allah buat mumkin atau fana'

Yang kedua tiada hendakkan faedah
Pada hukum dan buatannya yang indah

Dan yang masuk pada katanya iftiqar
Tiada membekas seka'inat dengan Qahhar

Yang kedua baharu alam dengan nyata
Yang Mustahil Qadim ia amat dusta

Telah hasil sifat wajib dua puluh
Bagi Allah Azza wa Jalla Jalalah

Lawan dia dua puluh dengan nyata
Dengan lazim tiada payah dengan cita

Masuk pula pada kaya dua kata
Dan iftiqar dua lagi jangan lagi

Jumlah jadi empat puluh delapan tamam
Faham kamu baik-baik jangan gamam

Jumlah itulah terkandung di kalimah
هُوَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهِ مُكْرِمَةٌ

Tiada Tuhan yang disembah maknanya
Melain Allah yang terjali diriNya

Kalimah tauhid dan thaibah namanya
Berapa banyak pula nama baginya.

Telah Sempurnalah Nazam Kalimah Tauhid Dan Masuk Pada Menazam Kalimah Rasul

Muhammad Rasulullah kalimah iman
Yang dinamakan ulama orang aman

Yang terkandung pada itu enam belas
Faham kamu baik-baik jangan malas

Siddiq itu makna benar bagi Nabi
Yang mustahil dusta ia tiada sekali

Amanah pula satu lagi bagi Nabi
Yang mustahil khianat ia jauh sekali

Tabligh pula yang ketiga sifat dia
Erti menyampai akan hukum Tuhan dia

Yang keempat sifat dia fathanah
Erti cerdik lagi bijak laksana

Masuk lagi rukun iman empat pula
Iman kita akan Rasul dan Anbiya'

Yang kedua iman akan malaikat
Wajib kita lawan ingkar malaikat

Yang ketiga iman akan kitab Allah
Baik-baik kamu jaga jangan salah

Yang keempat iman akan hari kiamat
Lawan ingkar dengan sungguh boleh selamat

Telah hasil kalimah itu kandungnya
Enam belas dengan lazim masuknya

Wajib pula kita tahu bangsa Nabi
Si Abdullah nama bapa yang shafi

Si Abdullah itu anak si Muththalib
Dia pula anak Hasyim bangsa Habib

Hasyim itu anak Saiyid Abdul Manaf
Bangsa Quraisy semua itu sudah tetap

Tahu pula nama ibunya Aminah
Abdul Wahab nama bapa si Aminah

Ibu susu Nabi kita yang bernama
Halimatul Sa'diah yang utama

Saudara susunya bernama Shamurah punya
Lagi kecil sama-sama di atas riba

Umur Nabi enam puluh tiga tahun
Jadi Rasul dua puluh tiga tahun

Jadi pesuruh di Madinah sepuluh tahun
Dalam Mekah tiga belas pula tahun

Madinah itu tempat wafat Nabi kita
Kubur Nabi dalam masjid tempat nyata

Wajib pula kita tahu anak Nabi
Tiga orang yang tersebut lelaki

Empat orang perempuan adanya
Jangan kamu lupa akan bilangnya

Mula diperanak Saiyid Qasim
Pula mengiring Siti Zainab adik Qasim

Dapat pula akan Siti Ruqaiyah
Bawah dia Fatimah Al-Zuhriyyah

Ummu Kulthum pula satu anaknya
Adik Fatimah dengan nyata kisahnya

Digelar Thayib lagi zahir seorang pula
Nama dia si Abdullah dengan nyata

Semua itu anak Siti Khadijah
Si Ibrahim anak Siti Mariyah

Dan isteri Nabi kita hari wafat
Sembilan orang wajib bilang sampai dapat

'Aisyah dan Hafshah dan Saudah
Shafiyah Maimunah dan Ramlah

Hindun wa Zainab pula Juwairiyah
Semua itu ibu mukminin dengan jumlah

Siti Zainab dan Khadijah pula lagi
Kedua itu wafat dulu pada Nabi

Dan Khadijah mula-mula kahwinnya
Sebelum wafat tiada kahwin lainnya

Jumlah jadi sebelas orang adanya
Yang muafakat ulama padanya

Telah tamam nazam ini dengan berkat
Nabi kita yang dibenarkan mukjizat

Aku nama nazam ini muqaddimah
Bagi orang baru belajar ilmu Allah

Kami harap akan Allah Tuhan Esa
Mana salah faham kami ampun dosa

Ya Rabbana beri kami akan rahmat
Dari dunia sampai kami ke akhirat

Ya Rabbana kamu mati akan kami
Dengan iman jangan tidak jangan rugi

Ya Rabbana kami harap sahabat kami
Mati pula dalam iman jangan sunyi

Telah tamam nazam bagi Haji Ahmad bin Al-Haj Abdul Ra'uf bin Abdul Rahman Ahli Melaka.

غَفَرَ اللهُ لَهُ وَلِوَالِدَيْهِ وَلِجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ. آمِيْنَ

هَذِه نَصِيْحَةُ الأُسْتَاذِيَّة

Ertinya: Nasihat Guru-Guru

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Alhamdulillah Al-Qadim kita puji
Sebab Dia boleh beri taufik kami

Hai saudara ini satu nasihat fakir
Faham kamu baik-baik ambil fikir

Kita ini akan mati sudahnya
Tiada tahu bila datang ajalnya

Ambil bekal kamu pergi negeri orang
Kamu tidak kamu hina pada orang

Kalau sungguh kamu yakin akan mati
Jangan kamu lalai pada nafsu hati

Benar tidak bila ada bekal kamu
Puasa hati tiada lagi sesal kamu

Sabda Nabi huru-hara pada kubur
Masuk rantai pada mulut sampai dubur

Rantai itu merah pula dengan api
Hangus perut hangus otak hangus hati

Khabaran kami akan kamu punya fikir
Kamu kata kamu mati tapi munkir

Pahit mati itu bukan macam jadam
Bukan pula macam api boleh padam

Lagi pula huru-hara di akhirat
Tiada dapat kami khabar dengan lughah

Tinggal lagi kita ini buat taat
Dengan belajar dengan tuntut dengan ingat

Khabaran kami akal kita ini sudah
Kita makan hak si Raja dengan mudah

Fikir-fikir baik-baik ada patut
Tiada taat akan suruh tiada ikut

Allah Allah hai saudara apabila
Sampai nyawa batang leher tahulah

Allah Allah hai saudara masa itu
Baru tahu akan diri baru tentu

Tempat mana bagi kita nampak pandang
Syurga atau neraka ia kalau malang

Huru-hara Padang Mahsyar pula lagi
Tidak dapat hendak bilang dengan bagi

Barang siapa ingkar akan hadith ini
Jadi kafir sama Cina dan Nasrani

Kalau kita ambil fikir dengan benar
Apa payah sembahyang itu dan berlajar

Muka kita boleh cantik boleh suci
Tiada payah dengan basuh dengan mandi

Lagi pula jadi senang badan kita
Allah Allah bodoh kita sangat nyata

Muka orang tiada sembahyang tiada cahaya
Pandang kamu kalau tiada percaya

Sabda Nabi seksa orang tiada sembahyang
Lima belas lebih lagi tiada kurang

Pendek rezeki pendek umur tinggal Islam
Pada dahi lalu gelap macam malam

Hapus pula nama Islam dalam daftar
Tiada terima doa kamu sebab ingkar

Kenduri kamu pula lagi tiada qabul
Jika sepuluh potong kerbau tiada maqbul

Enam seksa ini datang dalam dunia
Kalau tidak di akhirat lebih nyata

Tiga lagi waktu mati datangnya
Yang pertama sangat hina padanya

Yang kedua mati kamu dengan lapar
Yang ketiga waktu dahaga sangat munkar

Dahaga itu kadar dia Allah Allah
Tiada puas minum air seribu kolah

Apabila masuk kubur tiga lagi
Himpit kubur gelap kubur pukul lagi

Patah tulang remuk tulang pecah dagu
Masuk tanah korek pula dengan kuku

Lagi tiga hari kiamat datangnya
Diwakil Allah malaikat mengazabnya

Satu rantai pada tangan malaikat
Hujung rantai batang leher kena ikat

Hujung satu lagi pula masuk mulut
Sampai pula pada dubur keluar perut

Sudah itu seret pula malaikat
Dengan susun bentang dengan angkat

Yang kedua tiada menilik oleh Allah
Yang ketiga azab pedih rasalah

Telah tamam lima belas bilangnya
Fikir kamu baik-baik maksudnya

Rahmat Allah salam atas Nabi
Pula harap syafaat dia bagi kami

Hai Ikhwan! Ambil olehmu dan amal olehmu akan nasihat ini serta fikir olehmu sungguh-sungguh kerana kelebihan fikir itu amat banyak. Setengah daripadanya sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: *Bermula fikir satu saat itu terlebih baik daripada ibadat tujuh puluh tahun.* Dan pada satu riwayat: *Terlebih baik daripada tujuh puluh ribu tahun ibadat.*

Dan sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: *Bermula fikir itu pelita bagi hati.*

Dan Ini Suatu Nazam Fikir Bahasa Melayu Sembilan Itu Yang Munasabah Dengan Hadith Itu Iaitu Bagi Setengah Daripada Ulama Terengganu

جَزَاءً خَيْرًا * وَأَجْرَى لَهُ أَجْرًا، آمِيْنَ

Fikir itulah pelita bagi hati
Yang mendapat kita ingat akan mati

Ingat-ingat serta fikir sehari-hari
Di dalam kubur kita duduk seorang diri

Jika hidup kita dapat harta jatuh
Itu akhir tinggal masuk di dalam tanah

Ghalib ikut akan nafsu dengan hawa
Dari masa tubuh muda sampai tua

Dari petang nanti pula akan pagi
Lama-lama hingga sampai tinggal gigi

Rumah besar kampung luas ada ia
Itu akhir tinggal juga akan dia

Hai segala anakku sekalian
Sungguh-sungguh jangan tinggalkan sembahyang

Demikian lagi zakat dan puasa
Itu buatlah olehmu sentiasa

Dengan susah yang sedikit kamu dapat
Akan senang lama kamu di akhirat.

Tamat

(يَقُوْلُ رَاجِي غُفْرَانِ الْمُسَاوِي * مُصَحِّحُهُ إِلْيَاسُ يَعْقُوْبُ الأَزْهَرِيُّ)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ فِي الْمُبْتَدَا وَالْخِتَامِ وَصَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَى بَدْرِ التَّمَامِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ . (وَبَعْدُ)

Maka telah sempurnalah mengecap beberapa Rasa'il pada Ilmu Tauhid dan asbab jadi murtad dan nasihat dan demikian itu pada *mathba'ah*.

SETITIK ILMU - SEJUTA MAKNA

Kunci Penuntut Ilmu Tauhid

Kitab ini merupakan sebuah kitab yang membicarakan dengan ringkas tentang sifat wajib, sifat mustahil dan sifat harus bagi Allah. Ia juga turut membicarakan secara ringkas sifat wajib bagi para Rasul serta sifat mustahil dan harus baginya yang telah dikarang oleh Al-'Alim Al-'Allamah Zainul Abidin Ibnu Muhammad Al-Fathani yang masyhur dengan gelaran Tuan Minal.

Di dalam kitab ini turut memuatkan satu risalah pada menyatakan sebab-sebab yang menjadikan seseorang itu murtad yang dikarang oleh al-Fadil Umar.

Pada akhir kandungan kitab ini terdapat nazam (syair) tauhid karangan Haji Ahmad Melaka, nazam kalimah Rasul, nasihat para guru dan nazam fikir bahasa melayu sembilan yang munasabah dengan hadith oleh setengah daripada ulama Terengganu.
Kitab ini pada asalnya adalah ditulis dalam tulisan Jawi dan telah digunakan di dalam pengajaran sekolah-sekolah pondok di mana kita ketahui sistem sekolah pondok ini amat popular dan telah ramai melahirkan para ilmuan dalam bidang agama dan juga bidang lain yang berkarisma dan menyumbangkan sumbangan besar kepada bangsa dan agama.

Semoga kitab ini mendatangkan manfaat buat para pembaca dan penuntut ilmu yang minat mendalami ilmu melalui kitab-kitab seperti ini.

Semenanjung RM5.00 Sabah & Sarawak RM6.00

AL-HIDAYAH HOUSE OF PUBLISHERS SDN BHD

Laman Web: www.hidayah.com.my BUY ONLINE! E-mel: ahidayah@streamyx.com

ISBN 967-0267-42-0
ISBN 978-967-0267-42-5

9 789670 267425